

CNS6531

U CB 30-08 00188 BA185

bah

Mahathir - Perutusan

(EMBARCO: Untuk siaran selepas 9.30 malam ini)

KUALA LUMPUR. 30 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat tidak harus berpuas hati dengan pencapaian yang telah dinikmati oleh negara jika mereka ingin melihat Malaysia menjadi negara maju pada tahun 2020.

Ini kerana pertumbuhan ekonomi harus dikekalkan dan ditingkatkan manakala rakyat harus sanggup mengugurkan cara-cara lama yang tidak sesuai dan mengantikan dengan cara-cara baru yang lebih mampu membantu pencapaian matlamat negara, kata Perdana Menteri.

Petunjuk-petunjuk yang ada sekarang membuktikan Malaysia berada di arus yang betul, katanya di dalam perutusan sempena Hari Kebangsaan melalui Radio dan Televisyen Malaysia malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata pencapaian ekonomi Malaysia boleh dibanggakan kerana negara ini bukan sahaja mampu mencatat kadar pertumbuhan yang tinggi sehingga sebanyak 10 peratus bagi tahun 1990 tetapi juga kadar inflasi juga adalah antara terendah di dunia, dengan kadar sebanyak tiga peratus.

Di samping itu, kerajaan telah dapat mengurangkan kemiskinan di kalangan rakyat, dan dengan tindakan-tindakan yang dirancang termasuk latihan dan peluang pekerjaan, ianya dijangka menurun lagi, katanya. -- Lagi

♥30/08/19-12MST

CNS6532

U CB 30-08 00125 BA186

bah

Mahathir - Perutusan \* Kuala Lumpur (Embargo)

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, setiap anggota masyarakat, -- daripada pemimpin kerajaan, eksekutif dan pekerja sektor swasta, pegawai dan kakitangan kerajaan, peniaga serta rakyat keseluruhannya -- perlu berganding bahu, bekerjasama dan berusaha bersungguh-sungguh supaya matlamat menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 tercapai.

Katanya, untuk mencapai matlamat itu, satu faktor yang perlu wujud ialah perpaduan masyarakat,

+Justeru itu, amatlah penting dipraktikkan prinsip hidup bertoleransi dan sikap bantu-membantu sesama kita, + kata beliau sambil meminta rakyat mengelakkan kegiatan-kegiatan yang boleh mengancam keamanan dan keharmonian negara.

Perdana Menteri berkata, bersatu juga bererti mendukung bersama konsep demokrasi serta sehati dan sejiwa dalam menghadapi cabaran-cabaran di masa akan datang. -- Lagi

♥30/08/19-12MST

CNS6539

U GB 30-08 00202 BA187

aab

Mahathir - Perutusan 3 Kuala Lumpur (Embargo).

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, yang penting ialah rakyat perlu berusaha dengan gigih, tekun, berdisiplin, serta sanggup mendahulukan kepentingan negara daripada kepentingan diri, yang dalam jangka panjang akan membawa lebih banyak nikmat kepada diri sendiri.

+Untuk menjamin negara akan terus mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat, kerajaan akan meneruskan dasar-dasar yang liberal dan pragmatik yang mampu menarik lebih banyak lagi pelaburan dari dalam dan luar negeri,+ katanwa.

Perdana Menteri berkata, negara juga akan meluaskan lagi asas pembuatan dengan menggalakkan industri yang berteknologi tinggi serta meningkatkan lagi kegiatan Penyelidikan dan Pembangunan.

Pengusaha dan pengeksport juga perlu meningkatkan lagi kecekapan dan produktiviti supaya negara menjadi lebih kompetitif manakala pekerja juga mempunyai peranan yang penting untuk mewujudkan suasana yang sesuai untuk pertumbuhan ekonomi.

Katanwa, jika senaketa majikan-pekerja kerap berlaku, maka pelaburan akan terjejas dan pengangguran tidak akan dapat diatasi dan dalam keadaan ini, pendapatan pekerja tidak mungkin meningkat.

Daripada segi pembangunan akhlak pula, beliau berkata, adalah penting untuk menyediakan generasi muda dengan kemudahan pendidikan dan ajaran yang dapat melahirkan perwatakan yang mempunyai nilai-nilai seperti amanah, bertanggungjawab, hormat menghormati dan semangat untuk berdaya maju. --  
Lagi

♥30/08/19-20MST

CNS6540

U GB 30-08 00203 BA188

nab

Mahathir - Perutusan 4 Kuala Lumpur (Embargo)

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kekuhan institusi **kekeluargaan** juga harus di jadikan teras utama hidup rakyat menjelang **tahun 2020**.

Ini akan dapat menghindarkan dari **timbulnya** masalah sosial seperti penderaan kanak-kanak dan isteri, penyalahgunaan dadah dan penyakit AIDS.

Perdana Menteri berkata, ramai juga **rakyat yang** betul-betul **faham** akan matlamat sebandir Wawasan 2020 dan berpendapat bahawa menjelang tahun i tu, Malaysia akan menjadi sebuah negara **industri** dengan pendapatan per kapita rakyatnya meningkat kepada **AS\$10,000** setahun.

+Industri **dan** pendapatan memana menjadi ukuran pembangunan, tetapi negara **ma** itu yang dimaksudkan juga bermakna rakyat lebih berilmu, memiliki nilai-nilai dan sifat-sifat yang **mulia**, bersikap penyayang **dan** bertimbangrasa, menghargai dan memelihara alam **sekitar dan** beragama,+ katanwa.

Menurutnya, pendapat bahawa **peradaban di dunia** bermakna kebahagiaan **di akhirat dan** sebaliknya kebahagiaan **di dunia** bermakna penderitaan **di akhirat tidak berasas**.

Katanya,imbangan di antara dunia dan akhirat adalah perlu dalam negara maju yang **msnj** adiwawasan **negara**.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, melalui tema Hari Kebangsaan tahun ini **iaitu** +Wawasan 2020+ **rakyat** akan sedar mengenai halatujuan **negara** ini **di** masa hadapan, maksud dan makna **negara** maju **dnn** cara-cara **negara** boleh **mencapai** mat lamatnya.-- Bernama

♥30/08/19-21MST